

Dalam Negeri

AP percuma jika buktikan perniagaan



DR. MAHATHIR Mohamad diberi penerangan mengenai alat ganti kenderaan M7 oleh Mokhtar Ahmad sambil diperhatikan oleh Ahmad Kemin di majlis Pelancaran M7 Racing dan Perasmian Pusat Penyelidikan Pembangunan M7 di Mutiara Motors, Johor Bahru, semalam.

Oleh LUQMAN HAZIQ
pengarang@utusan.com.my

JOHOR BAHRU 16 Jun - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berpendapat, permit import (AP) kereta terpakai boleh diberikan percuma kepada pihak yang benar-benar menjalankan perniagaan automotif.

Beliau berkata, masalah timbul apabila ada pihak yang mendapat AP percuma menjualnya kepada pihak lain untuk mendapat keuntungan cepat.

"Tujuan kerajaan bagi AP untuk membantu orang Melayu dapat peluang berniaga kereta terpakai. Tapi yang jadi masalah ada yang dapat AP, dia jual AP.

"Orang yang semacam itu tidak harus diberi AP sama sekali. Kalau betul guna AP untuk bawa kereta masuk dan jual di sini, ada cukup bukti saya fikir tak payah kenakan

bayaran," katanya.

Beliau diminta mengulas rungutan pemilik AP yang dikenakan RM10,000 bagi setiap AP terbuka yang dianggap terlalu tinggi dan membebankan. Pemberian AP itu juga akan ditamatkan pada 2010.

Dr. Mahathir ditemui selepas melancarkan M7 Racing dan merasmikan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan M7 di Bangunan Mutiara Motors di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Eksekutif Kumpulan Syarikat Mutiara Motors, Datuk Ahmad Kemin dan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor, Datuk Mohd. Ali Hassan.

Beliau kecewa dan sedih dengan sikap setengah pemegang AP yang tidak pun mempunyai premis perniagaan atau pusat pameran kenderaan selain menjual AP dengan harga RM8,000.

Tindakan tidak bertanggungjawab itulah yang menyebabkan kerajaan terpaksa me-

ngatakan caj ke atas AP, katanya.

Beliau menganggap tindakan menjual AP itu sebagai memia-siakan peluang yang diberikan kerajaan kepada golongan bumiputera untuk meningkatkan tahap ekonomi mereka.

Dr. Mahathir berkata, tindakan menjual AP memang memberi keuntungan dalam masa singkat tetapi ia tidak berkekalan berbanding menjalankan perniagaan menjual kereta.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan orang Melayu supaya tidak bergantung ke pada kuasa politik semata-mata dengan harapan mereka akan dilindungi kerajaan sekiranya melakukan kesilapan.

"Jangan bergantung kepada kuasa politik semata-mata kerana ia boleh terlucut apabila kita tidak ada kuasa politik lagi. Sebaliknya ambillah peluang yang diwujudkan kerajaan untuk mencapai kemajuan ekonomi," katanya.